

NGO dan orang ramai desak kerajaan cegah aktiviti teroka hutan di Selangor dan Pahang

Sumber air dibimbangi terjejas



KUALA LUMPUR – Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai bimbang krisis bekalan air di Lembah Klang bakal berulang sekiranya penerokaan hutan di kawasan-kawasan yang menjadi tempat tadahan hujan di Selangor dan Pahang tidak diurus secara lestari.

Mereka berpendapat empangan sedia ada di Lembah Klang kini sudah tidak mampu untuk menampung permintaan bekalan air lebih-lebih lagi ketika musim kemarau dan keadaan mungkin menjadi lebih teruk dengan fenomena El Nino yang dijangka melanda negara dalam masa terdekat.

Sekiranya kawasan tadahan hujan terus diganggu aktiviti penerokaan hutan tidak terkawal, tidak mustahil sumber bekalan air bersih yang kini mulai meruncing di Lembah Klang turut menjadi satu bencana.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S. Piarapakan berkata, sumber air utama di Lembah Klang ketika ini bergantung kepada beberapa buah empangan iaitu Empangan Sungai Selangor (60 peratus), Empangan Semenyih, Empangan Batu, Empangan Klang Gate serta Empangan Langat.

“Kesemua empangan tersebut memperoleh sumber air dari sungai yang terletak di bahagian hulu sungai. Biasanya kawasan ini masih mempunyai hutan yang berfungsi sebagai kawasan tadahan hujan.

“Jika kawasan hutan itu diterokai juga, maka tidak mustahil kita akan mengalami krisis bekalan air yang lebih teruk pada masa depan,” katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurut Piarapakan, sumber air yang bakal disalurkan ke Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2) juga perlu dijaga kerana kemampuannya membekalkan air mentah sebanyak 1.89 bilion liter sehari kepada penduduk di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mungkin tidak akan berlanjutan jika punca sumber airnya di Pahang dibiarkan mengalami kerosakan.



PROJEK penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor akan membantu meningkatkan sumber air di Lembah Klang. Bagaimanapun, kawasan hutan di kedua-dua negeri itu perlu diurus dengan baik bagi memastikan sumber air tidak terancam.



HUTAN di kawasan tadahan hujan seperti di Empangan Klang Gate perlu dijaga bagi memastikan bekalan air mentah sentiasa stabil.

Jika kawasan hutan itu diterokai juga, maka tidak mustahil kita akan mengalami krisis bekalan air yang lebih teruk pada masa depan

PIARAPAKARAN



PIARAPAKARAN



HARON

“Semua sedia maklum, hutan di Pahang turut diteroka dengan drastik ketika ini. Sumber air yang disalurkan ke Loji Rawatan Air Langat 2 diperolehi dari Sungai Kelau dan Sungai Semantan yang punca airnya datang dari kawasan hutan di Bentong dan Raub.

“Jika penerokaan hutan di kawasan itu tidak dikawal, tidak mustahil pencemaran bo-

leh berlaku di sungai tersebut sekali gus memberi kesan kepada bekalan air di Lembah Klang pada masa depan,” katanya.

Katanya, Pahang dijangka mula membekalkan sumber air mentah melalui Loji Langat 2 kepada Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mulai 2017 dengan Pahang dijangka memperoleh pendapatan kira-kira RM80 juta setahun.

“Kalau kawasan tadahan hujan tidak dilindungi dengan membiarkan hutan diteroka demi balak sama ada secara haram ataupun berlesen, bagaimana Pahang dapat membekalkan air mentah untuk jangka panjang?” katanya.

Dalam pada itu, Presiden Institut Rimbawan Malaysia,



KERATAN Kosmo!
25 Februari 2014.

Haron Abu Hassan berkata, kawasan sungai dan sumber air yang terdapat di Pahang terutamanya di Bentong dan Raub perlu dijaga kerana ia merupakan sumber bekalan air mentah pada masa depan kepada penduduk Lembah Klang.

Katanya, kawasan sungai dan sumber air di situ perlu dijadikan sebagai hutan simpan kekal atau kawasan larangan untuk aktiviti manusia bagi mengelakkan ia dicemari.

ESOK: Laporan khas punca sumber air terancam



SEBAHAGIAN penduduk terpaksa memungkah air dari sebuah lori ketika krisis air berlaku di Lembah Klang pada bulan April lalu.

Apa kata mereka

“Pihak berkuasa perlu beri jaminan dan melindungi hutan yang masih kita miliki bagi memastikan kawasan tadahan hujan tidak musnah.”

NORAFADILAH KHALIL, 23
Kakitangan swasta



“Jumlah air mentah yang ada ketika ini pun sudah kritikal dan jika ia tidak dijaga, kita pasti mengalami bencana.”

IZAT AZIZ, 24
Pembantu Pensyarah

“Sekarang ini pun Selangor sudah terpaksa beli air dari Pahang dan kalau sumber dari Pahang itu pun tidak dijaga, tidak mustahil kita terpaksa beli air dari negeri lain pula.”

AZMI IBRAHIM, 48
Kakitangan swasta



23 JUN 2014
■ 25 SYABAN 1435H

Info Solat

SUBUH•SYURUK•ZUHUR•ASAR•MAGHRIB•ISYAK

K. LUMPUR	5.42	7.06	1.18	4.44	7.27	8.43
SHAH ALAM	5.42	7.06	1.18	4.44	7.27	8.43
SEREMBAN	5.43	7.06	1.17	4.42	7.23	8.39
MELAKA	5.43	7.06	1.16	4.41	7.22	8.38
JOHOR BAHRU	5.38	7.01	1.10	4.35	7.15	8.31
IPOH	5.44	7.04	1.21	4.47	7.31	8.47
P. PINANG	5.44	7.06	1.23	4.49	7.35	8.51
ALOR SETAR	5.42	7.04	1.23	4.49	7.36	8.53
K. TERENGGANU	5.33	6.57	1.12	4.38	7.24	8.40
KOTA BHARU	5.40	7.00	1.16	4.42	7.29	8.41
KUANTAN	5.38	7.01	1.12	4.38	7.21	8.36
KANGAR	5.42	7.06	1.23	4.49	7.37	8.53
TAWAU	4.37	6.00	12.14	3.40	6.24	7.40
KOTA KINABALU	4.40	6.04	12.20	3.46	6.33	7.49
KUCHING	5.13	6.32	12.45	4.10	6.50	8.06
MIRI	4.53	6.12	12.29	3.55	6.38	7.54

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya